

30 peratus pesakit buah pinggang orang muda

Kuala Lumpur: Pesakit dengan kegagalan fungsi buah pinggang negara ini, dijangka meningkat kepada 106,000 orang menjelang 2040.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ketika ini, ada kira-kira 40,000 pesakit dengan kegagalan fungsi buah pinggang sedang mendapatkan rawatan dialisis di seluruh negara.

“Kajian mendapati, 8,000 pesakit baharu penyakit itu dikesan pada 2018 dan kini, trend itu semakin meningkat saban tahun.

“Sekiranya berterusan, jumlah pesakit menjalani rawatan diali-

sis adalah seramai 106,000 orang pada 2040.

“Lebih membimbangkan, 30 peratus daripada itu adalah golongan muda berusia bawah 40 tahun, yang sudah tentu memberi impak negatif kepada pertumbuhan sosioekonomi negara,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Sambutan Hari Buah Pinggang 2021 yang diadakan Kementerian Kesihatan (KKM) secara virtual menerusi Facebook MYBuahPinggang semalam.

Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia di negara ini disambut sejak 2006 pada setiap Khamis

minggu kedua Mac setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran orang ramai berhubung penyakit buah pinggang.

Sambutan tahun ini dengan tema ‘Hidup Sejahtera Dengan Sakit Buah Pinggang’ buat kali pertama diadakan secara maya melalui platform Facebook Live ‘MyBuahPinggang’ berikutan pandemik COVID-19.

Dr Noor Hisham berkata, menyedari kesan dan implikasi pada masa hadapan, KKM melalui perkhidmatan nefrologi, Persatuan Nefrologi Malaysia serta Yayasan Buah Pinggang akan mengadakan pelbagai program untuk memberi

kesedaran kepada rakyat negara.

“Kita akan mengadakan pelbagai program kesedaran untuk rakyat menjalani pemeriksaan kesihatan, malah membabitkan pesakit dalam pelbagai aktiviti, termasuk rawatan.

“KKM komited memberi kesedaran awam kepada semua serta menggiatkan program saringan, pendidikan, penggunaan digital serta membabitkan golongan belia dan kanak-kanak dalam program duta ginjal,” katanya.

Pada majlis sama, Pengerusi Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia, Datuk Dr Zaki Morad Mohamad Zaher, berkata kebanya-

kan pesakit dikesan menghidap penyakit itu ketika buah pinggang masing-masing sudah 90 peratus rosak.

“Oleh itu, kami menggalakkan orang ramai menjalani saringan sakit buah pinggang di fasiliti kesihatan bagi mencegah penyakit ini dan mengurangkan komplikasinya,” katanya.

Beliau berkata, kajian mendapati 61 peratus pesakit baharu yang memerlukan rawatan dialisis menghidap diabetes, manakala 16 peratus lagi menghidap tekanan darah tinggi berpunca daripada tabiat pemakanan dan gaya hidup tidak sihat.